

Bosnia: Malaysia harapkan OIC

Oleh Kamal Ahmad dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — Malaysia akan menggunakan Pertubuhan Negara Islam (OIC), dalam usaha mencari penyelesaian berhubung isu penindasan umat Islam di Bosnia-Herzegovina, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia sudah hilang kepercayaan terhadap mana-mana saluran bantuan tajaan Barat berikutan pelbagai perkembangan yang selama ini sangat mengecewakan.

Dr Mahathir mengulangi keyakinan Malaysia bahawa hanya OIC yang berkeupayaan menyelesaikan isu itu walaupun mungkin menghadapi masalah atau menemui jalan buntu.

"Kita tidak akan berputus asa walaupun mungkin terus menemui jalan buntu. Apa yang penting adalah pendirian kita yang konsisten serta tidak pernah menyerah kalah.

"Kita sebenarnya sudah hilang kepercayaan terhadap rancangan damai tajaan Barat dan tidak boleh mempercayai sesiapa lagi kecuali mereka yang benar-benar ingin membantu umat Islam.

"Kita kecewa kerana sebelum ini, pernah mempercayai Barat tetapi mereka hanya melaksanakan apa yang ditikirkkan sesuai dengan kehendak mereka semata-mata," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru berhubung isu Bosnia-Herzegovina, dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Ibu Pejabat Unino, hari ini.

Dr Mahathir berkata, adalah menghairankan kerana sehingga kini Barat belum mencapai strategi penyelesaian berkesan berhubung konflik Bosnia-Herzegovina walaupun peperangan, pembunuhan serta pencabulan wanita berlaku lebih setahun lalu.

"Kita hairan bagaimana Barat mentafsirkan suasana serta keadaan itu malahan kononnya sudah melaksanakan zon larangan terbang serta bantuan makanan menerusi udara tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya," katanya.

Ditanya mengenai penghantaran anggota

LIHAT MUKA 2

DARI MUKA 1

tentera Malaysia menyertai misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Somalia, Perdana Menteri berkata:

"Kerajaan tetap menghantar anggota tentera ke Somalia walaupun negara itu sedang bergolak. Kita sudah ditawarkan oleh PBB bagi menyertai misi keamanan di negara itu dan kita menerimanya. Oleh itu, kita bertanggungjawab kepada pendirian itu," katanya.

Mengenai perkembangan di Kemboja, Dr Mahathir berkata, semua pihak yang terbabit dalam pilihan raya di Kemboja mesti menerima keputusan pilihan raya umum Yang ditaja oleh PBB.

"Kita mahu supaya semua pihak patuh kepada keputusan pilihan raya. Kita tidak boleh terima kalau pihak yang kalah tidak mahu menerima keputusan rakyat," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Amerika sepatutnya tidak melaung-laungkan dasar perdagangan bebas jika berhasrat menyekat lambakan barang-barang eksport dari Negara Dunia Ketiga di negara itu.

"Langkah terbaik bagi menghalang lambakan barang dari Negara Dunia Ketiga ialah Kerajaan Amerika boleh menghalang rakyatnya membeli barang negara berkeajaan.

"Bagaimanapun, jika mereka melaksanakan sekat itu bermula ia bertentangan dengan dasar kebebasan dan persaingan mereka. Lagipun, mereka tiada alasan kerana ia sebenarnya lebih murah," katanya.